

# Penangan Air Jagung Fenomena

► Tular di laman sosial, jadi tarikan di Bazar Ramadan UMS

Oleh SADDAM EDRIS

**T**ERCETUS idea setelah melihat fenomena jagung tular di laman sosial, membuatkan Azween Affeera Arif, 21, terfikir menjual minuman dikenali Air Jagung Fenomena yang menjadi tarikan pengunjung di Bazar Ramadan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sepanjang Ramadan ini.

Azween yang juga mahasiswi UMS bersama dua rakannya sepakat mahu memimba ilmu, pengalaman selain memperoleh pendapatan sampingan untuk persiapan Syawal nanti.

Lebih menggembirakan lagi, jualan air jagungnya itu mendapat sambutan memberangsangkan seawal pembukaan bazar yang mana pelanggan terdiri daripada pelajar, staf UMS dan orang luar.

"Sehari sahaja kami menyediakan sembilan hingga 11 balang untuk dijual dan tidak sampai pun waktu berbuka, kami akan habis berjual."

"Pelanggan juga berasa puas hati dengan harga yang berpatutan apatah lagi dengan kepekatan rasa jagung sebenar melalui pati jagung asli yang kami tempah," jelasnya.

Menurut Azween bagi mendapatkan pati jagung asli itu, beliau akan meminta bantuan rakan-ranya yang berasal dari Tawau untuk membeli dan menghantar pati berkenaan.

Ditanya mengenai pendapatan kasar pula, beliau bersama rakannya amat gembira kerana hasil jualan mereka peroleh boleh mencecah RM700 hingga RM1000 dalam

berkenaan.

Menurutnya resepi dari negara jiran Indonesia itu dilihat amat unik sehinggalah mendapat sambutan memberangsangkan daripada penduduk tempatan termasuk pelancong luar negara.

"Saya belajar membuat Nasi Bakar Balado daripada sepupu saya yang pernah bekerja sebagai chef di salah sebuah hotel terkenal suatu ketika dahulu dan kini beliau bersama saya jalani perniagaan kecil-kecilan."



likn-ya di Keningau, mengikut saiz ayam.

Pengunjung Ulfah Zuhazha Asmaul, 21, yang juga mahasiswi UMS ketika ditemui Utusan Borneo



**SHAHLAN** menunjukkan cara memanggang nasi ayam balado.



**ULFAH** (kiri) bersama rakannya.

"Setelah itu, saya merasakan juadah ini amat berpotensi untuk menjadi salah satu pilihan untuk berbuka puasa yang pastinya amat menyelerakan," katanya yang kini memiliki kiosk di Keningau.

Katanya penyediaan Nasi Bakar Balado tidaklah susah asalkan semua bahan lengkap dan hanya dipanggang setelah nasi ayam dibungkus menggunakan



**KUIH** pisang goreng Cheese.



**PELBAGAI** jenis lauk pauk yang turut dijual di bazar berkenaan.



**IKAN** bakar.

berkata pembukaan bazar berkenaan amat bersesuaian memandangkan bukan semua pelajar UMS dapat keluar ke bandar semata-mata untuk membeli juadah berbuka puasa.

Apa yang menjadi keutamaan adalah kepelbagaian pilihan juadah serta kebersihan terjamin yang perlu dititikberatkan sekiranya berhasrat untuk mengunjungi mana-mana bazar berdekatan.

"Saya bersama rakan sudah mengunjungi bazar ini sebanyak lima kali dan kami melihat kebersihan, pilihan serta rasa setiap juadah

bersesuaian dengan harga yang peniaga tetapkan, yang mampu dibeli oleh pelajar.  
"Kebiasaannya, saya pasti mencari juadah lauk pauk ala-ala makanan kampung sebagai pengubat rindu tidak balik ke kampung halaman dalam masa Ramadan ini," katanya dengan wajah sayu.  
Sementara itu, Erwan



**PELBAGAI** jenis minuman jus buah-buahan turut dijual.



**KESESAKAN** Bazar Ramadan UMS yang dikunjungi oleh pelajar, staf dan orang luar.



**ERWAN** (kiri) bersama rakannya ketika ditemui Utusan Borneo.

masa sehari.  
Sementara itu, Shahlan Jaupin, 28, yang berasal dari Keningau memper-  
tuhkan juadah Nasi Bakar Balado yang juga menjadi tarikan di bazar

daun pisang.  
Mengenai harga pula, satu bungkus Nasi Bakar Balado hanya berharga RM5 dan kebiasaannya beliau akan menjual pada harga RM7 di kiosk mi-



**AZWEEN** sedang mengisi Air Jagung Fenomena ke dalam gelas untuk pelanggannya.

Perci, 22, pula berpuashati dengan layanan serta aneka juadah yang sememangnya amat menyelerakan setelah sehari suntuk berpuasa.  
Anak muda dari Semporna itu memilih Mee Sandakan sebagai juadah utama setibanya di bazar berkenaan. Beliau berharap agar penganjuran bazar di UMS akan diteruskan pada tahun hadapan.

Bazar Ramadan anjuran UMS dengan kerjasama Fama itu dirasmikan oleh mantan Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah pada 8 Jun lepas.

Ia melibatkan 46 gerai pelajar termasuk peniaga luar yang menjual pelbagai juadah makanan dan minuman dibuka pada jam 2 petang hingga 7 malam sepanjang Ramadan ini.